

05 NOV 1997

Kampung-Buku

ENAM PEMBEKAL BUKU TERKEMUKA DIPILIH MENDUDUKI KAMPUNG BUKU MALAYSIA

LANGKAWI, 5 Nov (Bernama) -- Enam pembekal dan pengedar buku terkemuka dipilih menduduki Kampung Buku Malaysia Langkawi, kampung buku yang pertama diwujudkan di negara ini yang terletak di Lubuk Semilang di sini.

Pengarah Kampung Buku Haji Hashim Ismail hari ini berkata, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Syarikat Darul Fikir antara yang dipilih menduduki enam bangunan yang disediakan.

Katanya, buat permulaan kira-kira 30,000 judul buku dengan pelbagai tajuk akan dipamerkan di kampung itu yang akan dilancarkan semasa Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA 1997) berlangsung. LIMA 1997 akan diadakan pada 2 hingga 7 Dis ini.

Hashim berkata, buku-buku itu dijadual tiba di kampung berkenaan pada minggu depan.

Menurutnya, walaupun belum beroperasi sepenuhnya kampung buku telah mula dikunjungi pelawat tempatan dan luar negara dan ini menunjukkan kampung telah mulai terkenal di negara ini.

Kampung buku yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara terletak di kawasan rekreasi menarik Lubuk Semilang Ulu Melaka di sini akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Dis ini.

Hashim berkata, tiga pengasas Kampung Buku di Eropah akan diberi penghormatan untuk menjadi tetamu sempena perasmian itu. Mereka ialah Richard Booth, Noel Anselot dan Henk Ruessink.

Kampung yang diilhamkan oleh Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid itu akan menjadi tarikan baru kepada peminat buku dalam dan luar negara. Ia merupakan yang ketiga di Asia selepas Jepun yang mempunyai kampung buku sedemikian di Miyagawa dan Kembuchi.

Kampung itu merupakan satu daripada 12 kampung buku di seluruh dunia yang dibangunkan dengan mengekalkan keadaan alam sekeliling dijangka dapat menarik pengunjung kerana memberi mereka peluang membaca buku sambil berehat.

Hashim berkata, kewujudan kampung itu akan mengalakkan masyarakat Langkawi dan Malaysia amnya menanam minat membaca buku secara berterusan.

Kampung itu dibangunkan di sebuah kawasan hutan lipur yang berlatarkan sebuah desa yang dipenuhi dengan toko dan dewan pameran buku dengan bangunan yang dibina berbentuk rumah Melayu.-- Bernama

ZI NH RHM